# Gelombang banjir seterusnya dikhuatiri akhir bulan ini

**Bernama | Disember 17, 2019 04:50 MYT**



Pemandangan dari atas udara menampakkan kawasan rumah yang terjejas akibat banjir ketika tinjauan Bernama bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat pada Isnin. Foto: Bernama

**JOHOR BAHRU**: Penduduk dinasihati lebih berhati-hati ketika musim tengkujuh kerana dikhuatiri kemungkinan ada gelombang banjir seterusnya yang dijangka penghujung bulan ini, kata Menteri Besar Johor Datuk Dr Sahruddin Jamal.

Beliau berkata masyarakat seharusnya mendengar arahan pihak berkuasa jika kawasan kediaman mereka dilanda banjir.

"Saya dapat tahu hujung bulan ini ada satu lagi gelombang (banjir). Jadi, saya harap semua masyarakat lebih berhati-hatilah," kata beliau kepada media selepas melakukan tinjauan udara di beberapa daerah pada Isnin.

Tinjauan itu yang menggunakan helikopter jenis AW 189 Agusta milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor berlangsung selama sejam bermula pada pukul 12.30 tengah hari dan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.

Tinjauan dilakukan di kawasan Johor Bahru, Mersing dan Pengerang di Kota Tinggi dengan turut disertai Pengarah JBPM Johor Datuk Yahaya Madis.

Sementara itu, Yahaya berkata melalui pemerhatian beliau, keadaan banjir kini terkawal kerana ada daerah yang air sudah mulai surut.

"... yang kita nampak cuma ada jalan utama menghubungkan Kota Tinggi ke Mersing masih terputus dan kawasan Kampung Mawai masih lagi digenangi air dan tidak selamat.

"Kita berharap dengan cuaca yang baik seperti hari ini, keadaan akan semakin pulih," kata beliau ketika dihubungi Bernama, di sini.

Beliau berkata esok, pihaknya akan meneruskan pemantauan udara di beberapa lagi daerah termasuk Batu Pahat, Kluang dan Segamat selain akan melakukan beberapa penerbangan ihsan termasuk menghantar bekalan makanan kepada penduduk ke Kampung Peta Endau dan